

Terpaksa Percepat Tarikh Nikah

Oleh: Nur Azyan Nasuha Mohd Hanafi



Majlis akad nikah Nur Hafizzatun Mohd Ashaari, 22, dan suaminya, Muhammad Syazwan Mohd Jumali, 23, berlangsung mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP iaitu menjaga jarak sosial dan memakai topeng muka.

SABAK BERNAM: Pasangan pengan= n ini terpaksa meminda dan mempercepatkan tarikh nikah ke=ka musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana tarikh yang dirancang sudah penuh.

Pegawai Hal Ehwal Islam Daerah Sabak Bernam, Rif'at Basya Halik Bassah, 42, berkata, pasangan pengan= n yang berada di zon merah hanya perlu bernikah di Pejabat Agama Islam Daerah masing-masing sahaja.

“Kami juga menetapkan hanya 3 orang sahaja yang perlu hadir semasa majlis nikah iaitu wali, pengan= n lelaki dan pengan= n perempuan”, katanya.

Pasangan pengan= n, Muhammad Syazwan Mohd Jumali, 23, dan isterinya, Nur Hafizzatun Mohd Ashaari, 22, ke Pejabat Agama Islam Daerah untuk menetapkan tarikh pernikahan

yang sepatutnya, malangnya tarikh tersebut sudah penuh dan terpaksa memilih tarikh yang berlainan, tetapi hanya tinggal 2 slot sahaja.

Namun, ia tidak menjadi penghalang kepada pasangan tersebut untuk membuat persiapan majlis pernikahan.

Menurutnya, persediaan dari pihak lelaki hanya menyediakan mahar serta upah untuk kadi dan saksi serta persiapan pihak perempuan hanya menyediakan makanan untuk 30 orang tetamu sahaja.

“Tarikh baharu untuk majlis kami selepas ini belum diputuskan memandangkan wabak COVID-19 belum pulih lagi. Mungkin akan ditetapkan selepas ini”, katanya dalam sesi temubual semalam.



Muhammad Syazwan Mohd Jumali, 23, menyerahkan mahar kepada isterinya Nur Hafizzatun Mohd Ashaari, 22.

Sementara itu, penganjur perempuan berpendapat bahawa perbelanjaan majlis pernikahan yang diadakan ketika PKP sangat jimat dan tidak melebihi RM5,000.

“Proses pernikahan juga sangat singkat dan padat dengan khutbah nikah sahaja”, katanya.